

Mafi sedia bantu pihak mahu bawa masuk sumber makanan

Metro Ahaad 29/5/2022 MS: 16

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) akan membantu mana-mana pihak yang berminat membawa masuk sumber bekalan makanan ke dalam negara terutama ayam dari loji pemrosesan yang sah susulan pemansuhan kelulusan kuota import (AP), kata Ketua Setiausaha Mafi Datuk Haslina Abdul Hamid.

Beliau berkata, langkah membawa masuk ayam dari luar negara dan arahan Kabinet untuk memberhentikan eksport ayam bermula 1 Jun akan menstabilkan bekalan ayam dalam masa terdekat.

"Bagi pihak yang berminat membawa masuk sumber makanan dari luar, Mafi akan membantu dari segi memudahkan urusan perniagaan. Sementara dalam isu bayaran subsidi kepada penternak ayam yang sebelum ini didakwa lewat, sudah mula ada langkah intervensi dari Mafi.

"Kesan positif semua langkah ini diharap dapat dilihat dalam waktu terdekat," katanya ketika diwawancara secara dalam talian dalam program Ruang Bicara Khas bertajuk

Pendekatan Bersama Mafi dan KPDNHEP: Selesaikah Isu Bekalan Ayam terbitan Bernama TV yang disiarkan secara langsung.

Mengenai penyelesaian jangka panjang bagi isu bekalan makanan negara Haslina berkata Mafi komited untuk meningkatkan tahap sara diri negara, terutamanya bagi pengeluaran daging.

Sebagai contoh, katanya, jagung bijian yang merupakan makanan bagi ternakan dan dulunya diimport kini akan mula ditanam di dalam negara secara besar-besaran di Chuping, Perlis melalui penglibatan syarikat berkaitan kerajaan.

Sementara itu, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Datuk Azman Mohd Yusof yang turut menjadi tetamu dalam program sama berkata, isu kenaikan harga dan kurang bekalan ayam pada masa ini dijangka diatasi dalam masa sebulan.

"Pengguna yang mendapati ayam dijual pada harga tinggi, boleh membuat aduan rasmi dengan memberikan maklumat terperinci," katanya.